



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Kenyataan Media

26 Mac 2022

PANTAI TANJUNG DAWAI SEMAKIN TERANCAM : CAP

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan Kedah dan Majlis Daerah Kuala Muda (MDKM) mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah pencemaran pantai Tanjung Dawai dekat Sungai Petani ketika ini.

Kejadian yang berlaku sejak beberapa tahun yang lalu itu bertambah serius menyebabkan kawasan pantai tersebut kelihatan kotor di mana air laut dan pasir bertukar warna menjadi hitam.

Dalam tinjauan yang dibuat CAP mendapati selain sisa pokok reput yang tumbang akibat diancam hakisan, terdapat juga bahan buangan plastik dan sisa pukut nelayan bersepah mendap di sepanjang 600 meter pantai berkenaan.

CAP kesal dan bimbang dengan masalah ini kerana ia bukan saja mencemarkan alam sekitar di kawasan itu tetapi juga menjejaskan keselesaan orang ramai yang berkunjung ke tempat tersebut.

Pada tahun 2017, CAP pernah membuat tinjauan di kawasan terbabit dan menggesa pihak kerajaan mengambil tindakan bagi mengatasi masalah itu tetapi malangnya ia kini menjadi semakin buruk.

Sehubungan itu, CAP menggesa kerajaan negeri dan MDKM menjalankan siasatan punca berlakunya pencemaran ini dan mengambil langkah berkesan agar ia tidak berlarutan sehingga menimbulkan kesan yang lebih buruk pada masa akan datang.

Di samping mengatasi masalah hakisan di kawasan tersebut, penguatkuasaan undang-undang dan tahap kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar dalam kalangan orang ramai perlu dipertingkatkan.

CAP percaya jika langkah segera tidak diambil seperti membina banteng pencegah hakisan dan menanam semula pokok serta membersihkan kawasan pantai di sini ia boleh menjejaskan aktiviti ekonomi penduduk tempatan.

CAP meminta kerajaan Kedah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), jabatan dan agensi yang terlibat mendedahkan kepada umum hasil siasatan punca kejadian tersebut dan tindakan yang diambil bagi mengatasinya.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP)